

# Berfikir Secara Kritis Melalui Pengajaran Kesusasteraan Bahasa Inggeris di Kalangan Pelajar Tahun 3 di KUKTEM

Zuraina Ali dan Haslinda Hj Hashim  
Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan,  
Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)  
Karung Berkunci 12,  
25000 Kuantan, Pahang  
haslinda@kuktem.edu.my

**Abstrak:** Di antara kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri di alam pekerjaan adalah untuk mencari graduan yang dapat berfikir secara kritis. Oleh itu, *Soft Skills* memainkan peranan yang penting untuk memenuhi hasrat pihak industri. Di antara elemen-elemen *Soft Skills* yang penting adalah kepimpinan (*leadership*), berkomunikasi secara lisan mahupun penulisan (*oral and written communication*), bekerja secara berkumpulan (*teamworking*), keupayaan belajar (*learning capabilities*) dan nilai-nilai murni (*positive values*) yang diharap dapat membantu pelajar menjadi graduan yang mempunyai daya saing apabila memasuki alam pekerjaan. Melihat akan kepentingan kemahiran ini, pihak KUKTEM telah mencadangkan agar kemahiran berfikir secara kritis di bawah *learning capabilities* ini di ajar melalui subjek Kesusasteraan Bahasa Inggeris. Subjek UHE3022 (*Critical Thinking Through Literature*) merupakan satu subjek elektif yang ditawarkan kepada pelajar tahun 3 di setiap fakulti. Pendedahan mengenai kemahiran ini digarap dengan pendedahan mengenai Taksonomi Bloom yang boleh membantu pelajar membina soalan-soalan dari tahap *Knowledge, Comprehension, Application, Analysis, Synthesis* hinggalah ke tahap *Evaluation*. Pelajar-pelajar akan didedahkan kepada pengisian seperti '*poems*', '*short stories*', '*plays*' dan '*popular culture*'. Para pelajar digalakkan membaca, menyoal dan membuat pembentangan berdasarkan kepada sistem penilaian yang telah ditetapkan. Kertas kerja ini berhasrat untuk memberikan pendedahan bagaimana elemen *Critical Thinking* yang sangat dititikberatkan oleh pihak industri telah dilaksanakan melalui pengajaran Kesusasteraan bahasa Inggeris di KUKTEM.

**Katakunci:** *Soft Skills*, pemikiran kritis.

## Pendahuluan

*I believe we will need nothing less than an “education revolution” to ensure that our aspirations to instil a new performance culture in the public and private sectors is not crippled by our inability to nurture a new kind of human capital that is equal to the tasks and challenges ahead.*

*Changes to the education system, no matter how ambitious and far reaching, will take some time to yield results. We must also think about the hidden talents, the undiscovered gems already in our midst.*

- Abdullah Ahmad Badawi (2004)

Membaca kata-kata YAB Perdana Menteri itu sudah cukup untuk memberikan pihak universiti satu kesedaran yang cukup tinggi tentang bagaimana pentingnya untuk kita membina kurikulum yang dapat menyokong pembangunan insan berkualiti di Malaysia. Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) tidak ketinggalan di dalam memberikan idea-idea baru untuk meningkatkan kemahiran para pelajar. KUKTEM merupakan sebuah universiti yang mempunyai pelajar khusus di dalam bidang kejuruteraan seperti kimia, mekanikal, elektrik, komputer serta awam. Bertanggungjawab mendidik pelajar kejuruteraan merupakan satu cabaran besar bagi melahirkan bakal jurutera yang dapat memenuhi kehendak masyarakat serta pasaran industri. Beberapa persoalan timbul: apakah yang diperlukan untuk melahirkan jurutera yang


'sempurna'? Pelbagai persepsi dapat dilihat di dalam pembentukan jurutera yang 'sempurna'. Salah satu diantaranya adalah kemampuan untuk melahirkan jurutera yang dapat berfikir secara kritis.

### **Pengajaran pemikiran kritis melalui pengajaran Kesusasteraan Inggeris**

Salah satu diantara definisi pembelajaran pemikiran kritis membawa maksud keupayaan untuk mempertimbangkan serta memikirkan sesuatu hujah dengan sistematik dan analitis. Ini termasuklah kemahiran untuk menumpukan sepenuh perhatian terhadap sesuatu permasalahan (*convergent thinking*), menggunakan pemikiran logik serta menggunakan aras- aras yang teratas didalam taksonomi Bloom (ELP, 2006). Bertitik tolak daripada definasi ini, kajian ini akan mengupas bagaimana pengajaran pemikiran kritis telah diterapkan melalui pengajaran Kesusasteraan Inggeris didalam pengajaran kesusasteraan bahasa inggeris di kalangan pelajar tahun 3 di KUKTEM.

#### **Taksonomi Bloom**

Didalam matapelajaran *Critical Thinking through Literature*, kaedah pemikiran kritis yang diterapkan kepada para pelajar adalah dengan menggunakan keenam- enam aras taksonomi Bloom. Aras yang pertama melibatkan pengetahuan dimana mereka haruslah berkeupayaan untuk mengumpul serta melaporkan segala maklumat asas mengenai sesuatu karya sastera. Aras kedua melibatkan pemahaman dimana mereka dikehendaki untuk menggunakan fakta bagi meramal, menjangka, membanding dan menyusun maklumat didalam pelbagai situasi yang berbeza. Aras ketiga menuntut mereka untuk mengaplikasikan pengetahuan yang sedia ada untuk disesuaikan dengan permasalahan atau situasi yang baru. Aras keempat melibatkan penganalisaan sesuatu masalah, data atau fakta dan seterusnya menjadikan kesemua sumber ini sebagai satu penghujahan yang kukuh. Aras kelima iaitu sintesis memberi peluang kepada mereka untuk memberi gambaran yang luas terhadap sesuatu permasalahan, mencipta pengetahuan baru dan membuat kesimpulan. Aras yang terakhir merupakan penilaian dimana mereka berkeupayaan untuk membuat pertimbangan yang bernilai dengan mempamerkan pelbagai perspektif untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan atau situasi. Secara ringkasnya aras- aras didalam taksonomi Bloom ini boleh diperjelaskan melalui gambarajah di bawah.



### Gambarajah 1: Taksonomi Bloom

Untuk mempraktikkan pemikiran kritis, para pelajar dituntut untuk sentiasa menggunakan pengamatan, pengalaman dan interpretasi didalam menerima sebarang maklumat. Dengan menggunakan pedagogi tersebut, mereka mengambil pendekatan untuk menganalisa serta menilai sesuatu keterangan yang dikatakan sah oleh orang ramai. Oleh sebab itu, pendekatan ini mereka mampu untuk memberi pendapat bagi memperkukuhkan hujah mereka, meneliti bukti- bukti dan alasan serta menggunakan pertimbangan sendiri untuk menghuraikan keterangan yang telah diberikan kepada mereka. Dengan kata lain, pelajar yang berfikir secara kritis ini adalah seorang yang mempunyai nilai- nilai intelektual yang tersendiri dimana mereka mampu untuk memberi penerangan, pembelaan, ketetapan, bukti dan ketelitian (Wikipedia Encyclopedia, 2006) didalam hujah mereka.

#### **Penggunaan Taksonomi Bloom didalam Penilaian (*Assessment*)**

Dari segi penilaian bagi matapelajaran elektif ini, para pelajar harus berfikir secara kritis untuk setiap tugas yang diberikan. Justeru itu mereka harus menunjukkan kemahiran untuk berbuat demikian didalam menghasilkan satu analisa kritis terhadap cerpen, puisi, *popular culture* dan persembahan drama untuk mempamerkan aras- aras yang terdapat didalam Taksonomi Bloom. Sebagai contoh, tugas *pop culture* memerlukan pelajar- pelajar untuk mengkritik lagu, drama, filem, sketsa dan sebagainya. Didalam tugas ini, mereka terutamanya diuji untuk mempamerkan kemahiran menggunakan aras keempat didalam taksonomi Bloom untuk mencapai markah yang terbaik. Tugas yang memerlukan mereka menulis secara kritis ini sebenarnya menguji mereka untuk menghubungkan *genre pop culture* yang mereka pilih dengan mana- mana aras yang terdapat di dalam klasifikasi tersebut. Mereka juga dikehendaki untuk mempersembahkan hasil pemikiran kritis terhadap *genre pop culture* yang telah pilih dihadapan para pelajar lain. Disini sekali lagi mereka diuji untuk membahaskan secara rasional elemen- elemen pemikiran kritis, berdasarkan kepada aras- aras yang terdapat didalam Taksonomi Bloom.

Penilaian cerpen pula mengkehendaki para pelajar untuk memikirkan cara yang paling sesuai, mengikut 'citarasa' mereka untuk menamatkan sesebuah cerpen. Dalam penilaian ini mereka dikehendaki untuk memilih salah satu hasil karya yang ditulis oleh Shirley Jackson (*The Lottery*), Roald Dahl (*Lamb to the Slaughter*), Catherine Lim (*The Journey*), Murial Spark (*The Girl I left Behind Me*) atau Saki (*The Storyteller*). Para pelajar diuji untuk menulis secara kritis didalam 300 hingga 350 patah perkataan dengan mengambil kira watak- watak, plot dan tema yang terdapat

dalam cerpen berkenaan. Mereka mestilah menghasilkan satu karya yang asli untuk tujuan ini. Dengan yang demikian para pelajar tidak perlu untuk membaca karya- karya tersebut terlebih dahulu sebelum mengambil penilaian tersebut.

Penilaian cerpen ini sebenarnya mengetengahkan keupayaan mereka untuk menggunakan imaginasi didalam menghidupkan kisah yang mereka baca. Bagi tujuan ini, mereka diuji untuk menggunakan aras yang keenam iaitu penilaian didalam taksonomi Bloom. Didalam tugas ini juga, mereka haruslah berjaya menunjukkan kemahiran untuk menggunakan aras yang kelima iaitu sintesis, dimana mereka dikehendaki untuk mencipta situasi yang baru berdasarkan kepada pemahaman mereka terhadap cerpen yang dibaca. Mereka Justeru itu haruslah memikirkan bagaimana untuk menggabungkan kedua- dua aras ini bagi menghasilkan satu kertas analisa kritikal yang baik.

Oleh kerana matapelajaran *Critical Thinking through Literature* ini diajar didalam bahasa Inggeris, kemahiran bahasa turut diuji untuk melihat bagaimana mereka mampu untuk menamatkan hasil karya daripada penulis- penulis yang disenaraikan. Kemahiran menggunakan bahasa ini dapat dinilai melalui beberapa tahap. Tahap- tahap ini adalah lemah, memuaskan, sederhana, baik dan cemerlang. Keupayaan didalam tatabahasa Inggeris ini sebenarnya diuji dari sudut penggunaan ayat, kepelbagaian serta kesusaian perbendaharaan kata. Selain daripada itu, ayat- ayat yang ditulis oleh mereka mestilah jelas tetapi ringkas untuk mencapai maksud yang sebenarnya.

### **Pemikiran kritis memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat**

Budaya pembelajaran sepanjang hayat ini dapat diwujudkan secara tidak langsung melalui pemikiran kritis. Ini kerana para pelajar dapat menggunakan pengalaman, idea dan pendapat mereka untuk memperolih pengetahuan yang dinamakan ilmu tanpa kata- kata (*tacit knowledge*) ini daripada diri mereka sendiri. Di dalam konteks KUKTEM, membudayakan pembelajaran sepanjang hidup ini dapat diimplementasikan melalui pemikiran kritis sekiranya para pelajar dapat berkongsi maklumat dengan pelajar lain didalam kelas. Mereka bertukar- tukar pendapat dan idea

Pemikiran kritis adalah penting dikalangan para pelajar memandangkan ianya merupakan pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*). Pembelajaran sepanjang hayat ini merupakan satu pedagogi yang telah terhasil disebabkan oleh ledakan ilmu teknologi dan sains (Wikipedia Encyclopedia, 2006). Pedagogi ini menjadi semakin penting memandangkan ilmu serta kemahiran yang dipelajari oleh seorang profesional tidak mampu menampung ilmu yang diperlukan didalam kariernya sepanjang tiga atau empat dekad akan datang (Wikipedia Encyclopedia, 2006). Justeru itu pembelajaran sepanjang hayat ini adalah perlu kerana pedagogi ini merupakan proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program meningkat pengetahuan, kemahiran dan kompetensi (Hassan Jantan, 2006). Ianya adalah penting memandangkan proses pembelajaran seseorang bagi meningkatkan ilmu pengetahuan tidak akan berakhir apabila seseorang itu meninggalkan alam persekolahan. Antara penyebab lain yang menjadikan pembelajaran sepanjang hayat ini satu pendekatan pada masa kini adalah disebabkan oleh perubahan persekitaran yang baru, dimana ekonomi berasaskan pengetahuan atau K- Ekonomi menjadi keutamaan.

Menurut Prof. Madya IR Mohabbatul Zaman (2005), pembelajaran sepanjang hayat adalah penting bagi membolehkan bakal- bakal jurutera, bukan hanya mempelajari kemahiran teknikal tetapi juga mampu untuk memperolih kemahiran berkomunikasi terutamanya didalam bahasa Inggeris. Dengan penguasaan bahasa ini, tahap keyakinan mereka akan meningkat dan justeru itu mereka dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Selain daripada itu, pembelajaran sepanjang hayat ini sebenarnya membolehkan bakal- bakal jurutera ini belajar didalam mana- mana konteks

sekalipun. Ini termasuklah pembelajaran ketika mereka berada di rumah, semasa mengikuti aktiviti-aktiviti kurikulum dan sebagainya.

Proses pembelajaran sepanjang hayat ini juga merupakan salah satu teras utama dalam perancangan pembangunan negara. Ianya selaras dengan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bagi tempoh 2001 hingga 2010 dan Dasar Wawasan Negara (Hassan Jantan, 2006). Pembelajaran sepanjang hayat dirancang untuk membangunkan negara bagi menghadapi cabaran globalisasi, liberalisasi ekonomi dan persekitaran ekonomi berasaskan pengetahuan. Ianya juga mempunyai matlamat yang tertentu iaitu:

- i) Menjadikan teras dalam membangunkan sumber manusia dalam tempoh pelan perancang pembangunan lima tahun negara
- ii) Menyediakan asas bagi melahirkan masyarakat yang menjadi ilmu pengetahuan sebagai satu budaya serta merealisasikan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju; dan
- iii) Memberikan galakan pembelajaran sepanjang hidup dengan menyediakan kemudahan menguasai ilmu pengetahuan dan meningkatkan asas kemahiran walaupun selepas tamat pendidikan dan latihan formal.

Justeru itu, sememangnya pemikiran kritis yang memupuk pembelajaran sepanjang hayat ini adalah penting kerana ianya merupakan agenda negara. KUKTEM telah melihat bahawa landasan atau *platform* untuk para pelajar memupuk kemahiran berfikir secara kritis adalah dengan memperkenalkan matapelajaran *Critical Thinking through Literature*. Ini disebabkan mata pelajaran tersebut mempunyai pelbagai *genre* yang sesuai untuk mereka berbuat demikian.

### **Penerapan kemahiran berfikir secara kritis dengan penggunaan kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*Student Centered Learning*)**

Kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*Student Centered Learning*) merupakan pedagogi yang diterapkan didalam setiap kelas di KUKTEM. Kaedah ini memfokuskan kepada para pelajar dimana mereka diberi untuk mengemukakan idea, bakat dan pendapat mereka di dalam kelas. Ianya juga dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mencari ilmu pengetahuan tanpa had. Oleh kerana KUKTEM adalah sebuah kolej universiti teknikal, maka dengan mempraktikkan kaedah ini ianya akan dapat memaksimumkan sumber seperti kemudahan *Information Communication and Technology (ICT)* di institusi berkenaan.

Dari satu sudut lagi, penggunaan kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*Student Centered Learning*) ini menjadikan pensyarah- pensyarah sebagai fasilitator- fasilitator di dalam sebuah kelas. Pengajaran dan pembelajaran adalah lebih berpandukan kaedah ini memandangkan para pelajar hanya perlu diselia pada masa yang difikirkan sesuai sahaja. Di dalam kelas *Critical Thinking through Literature* umpamanya, kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*Student Centered Learning*) dapat memberi peluang kepada pensyarah- pensyarah untuk menggerakkan aktiviti bagi memastikan para pelajar sentiasa berdikari.

### **Kesimpulan**

Pemikiran kritis didalam mata pelajaran *Critical Thinking through Literature* dengan menggunakan Taksonomi Bloom sememangnya dapat melahirkan para pelajar untuk lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Ini kerana mereka dapat menggunakan pengalaman, idea dan pendapat mereka untuk mengeluarkan hujah- hujah. Dengan menggabungkan penggunaan

Taksonomi Bloom dan kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*Student Centered Learning*), mata pelajaran *Critical Thinking through Literature* dapat menjanjikan bahawa para pelajar di KUKTEM dapat menggunakan kemahiran berfikir secara maksimum. Pensyarah juga amat memainkan peranan yang banyak sebagai pemudah cara kepada para pelajar. Justeru itu di dalam didalam mata pelajaran *Critical Thinking through Literature*, tajuk- tajuk yang kompleks serta mencabar, khusus kearah mempraktikkan kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*Student Centered Learning*), haruslah senantiasa diterapkan bagi menjamin para pelajar memanfaatkan kapasiti kemahiran berfikir mereka.

### Sumber rujukan

- URL: Wikipedia the Free Encyclopedia, 2006, Available at:  
[http://en.wikipedia.org/wiki/Lifelong\\_learning](http://en.wikipedia.org/wiki/Lifelong_learning)
- URL: Hassan Jantan, Konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat: Menjadikan Agenda Dalam Pengurusan Sumber Manusia, Available at:  
[http://www.jpa.gov.my/buletinjpa/J3bil2/buletin%20on%20line/konsep\\_pembelajaran\\_sepanjng\\_ha.htm](http://www.jpa.gov.my/buletinjpa/J3bil2/buletin%20on%20line/konsep_pembelajaran_sepanjng_ha.htm)
- URL: Characteristic Elements of a Lifelong Learning Higher Education Institution, Available at:  
[http://www.iizdvv.de/englisch/Publikationen/Ewb\\_ausgaben/56\\_2001/eng\\_cape-town.htm\\_29\\_Jun\\_2006](http://www.iizdvv.de/englisch/Publikationen/Ewb_ausgaben/56_2001/eng_cape-town.htm_29_Jun_2006)
- URL: PM Mahu Kaum Pekerja Laksana Pembelajaran Sepanjang Hayat, Available at:  
<http://www.pmo.gov.my/website/webdb.nsf/915b75851947326448256e86000c5808/bc96cc011dcb9ee848256ff7000d100c?OpenDocument>
- URL: Critical Thinking Skills: Helping Your Students Develop and Associates, Cindy L. Lynch, Susan K. Wolcott & Wolcott Lynch, Available at:  
[http://www.idea.ksu.edu/papers/Idea\\_Paper\\_37.pdf](http://www.idea.ksu.edu/papers/Idea_Paper_37.pdf)
- URL: Barry Richmond, Systems Thinking: Critical Thinking Skills for the 1990s and Beyond, Available at:  
<http://www.engga.uwo.ca/research/iclr/simonovic/ES564/SystemsThinking.pdf>